Dail semula Auto - Gelangskarkan suis sebelah kiri bagi **Hidup** atau sebelah kanan bagi **Mati**.

Mod jawab - Pilih sama ada untuk menjawab telefon menggunakan kekunci hantar atau sebarang kekunci.

Penjaga minit - Gelangskarkan suis sebelah kiri bagi **Hidup** untuk mendengar ton setiap minit semasa panggilan.

Mod jawab BT - Pilih **Bebas tangan** supaya boleh menjawab panggilan menggunakan alat dengar Bluetooth, atau pilih **Telefon bimbit** untuk menekan kekunci pada telefon bimbit bagi menjawab panggilan.




Simpan nombor baru - Pilih **Ya** untuk menyimpan nombor baru.

Kenalan




Mencari kenalan

Terdapat dua cara untuk mencari kenalan:

Dari skrin siap sedia sentuh


- 1 Daripada skrin siap sedia sentuh  untuk membuka buku alamat. Pilih kenalan daripada senarai yang anda mahu membuat panggilan.
- 2 Sentuh  atau tekan kekunci keras  untuk memulakan panggilan.

Dari menu utama





- 1 Sentuh , pilih .
- 2 Sentuh .
- 3 Anda akan melihat senarai kenalan, masukkan huruf pertama nama kenalan dan ia akan melompatkan menu kepada kawasan abjad senarai itu.

PETUA! Pad kekunci abjad akan dipaparkan kepada anda sebaik sahaja anda mengetik segi empat kosong itu.

Menambah kenalan baru

- 1 Daripada skrin siap sedia sentuh  dan sentuh **Tambah kenalan**.
- 2 Pilih sama ada untuk menyimpan kenalan pada **Telefon bimbit** atau **USIM**.
- 3 Masukkan nama pertama dan akhir kenalan baru anda. Anda tak perlu memasukkan keduanya, tapi anda perlu memasukkan salah satu daripadanya.
- 4 Anda boleh masukkan sehingga lima nombor yang berlainan bagi setiap kenalan. Setiap entri mempunyai jenis pratetap **Mudah alih, Utama, Pejabat, Alat kelui, Faks, VT dan Umum**. Apabila anda telah selesai, sentuh **Tutup**.
- 5 Tambah alamat e-mel.
- 6 Peruntukkan kenalan kepada satu atau lebih kumpulan. Pilih daripada **Tiada kumpulan, Keluarga, Rakan-rakan, Rakan sekerja, Sekolah** atau **VIP**.
- 7 Anda juga boleh menambah **Nada dering, Hari lahir, Ulang tahun, Laman utama, Alamat rumah, Nama syarikat, Jawatan, Alamat syarikat dan Memo**.
- 8 Sentuh **Simpan** untuk menyimpan kenalan.

Membuat kumpulan

- 1 Sentuh  dan pilih .
- 2 Sentuh  kemudian **Kumpulan**.
- 3 Sentuh .
- 4 Pilih **Tambah kumpulan**.
- 5 Masukkan nama untuk kumpulan baru anda. Anda juga boleh peruntukkan nada dering kepada kumpulan.
- 6 Sentuh **Simpan**.

NOTA: Jika anda memadam kumpulan, kenalan yang diberikan kepada kumpulan tersebut tidak akan hilang. Mereka akan tetap dalam buku alamat anda.

Menukar tetapan kenalan anda

Anda boleh menyesuaikan tetapan kenalan anda supaya buku alamat anda sesuai dengan keutamaan anda.

PETUA! Untuk menatal melalui senarai pilihan, sentuh item terakhir yang boleh dilihat dan luncurkan jari anda ke atas skrin. Senarai akan naik ke atas supaya lebih item kelihatan.

1 Daripada skrin siap sedia sentuh

 dan pilih .

2 Sentuh dan pilih **Tetapan**.

3 Dari sini anda boleh melaraskan tetapan berikut:

Tetapan senarai kenalan - Pilih sama ada untuk melihat kenalan yang disimpan dalam kedua-dua **Telefon Bimbit & USIM**, **Telefon Bimbit** sahaja atau **USIM** anda sahaja.

Anda juga boleh memilih untuk menunjukkan nama pertama atau nama akhir kenalan terlebih dahulu.

Salin - Salin kenalan anda dari USIM anda ke telefon bimbit anda atau dari telefon bimbit anda ke USIM anda. Pilih untuk melakukan ini satu demi satu, atau semua sekali. Jika anda memilih satu demi satu, anda perlu memilih setiap kenalan untuk menyalin satu demi satu.

01

02

03

04

05

06

07

08

Kenalan

Memindah - Ini berfungsi dengan cara yang sama seperti Menyalin, tetapi kenalan hanya akan disimpan di lokasi di mana anda memindahkannya. Oleh itu, jika anda memindah kenalan daripada USIM ke telefon bimbit ia akan dipadamkan daripada memori USIM.




Hantar semua kenalan melalui Bluetooth - Hantar semua kenalan anda kepada peranti lain menggunakan Bluetooth. Anda akan digesa untuk menghidupkan Bluetooth jika anda memilih pilihan ini.

Sandaran kenalan - Lihat **Membuat sandaran dan menyimpan semula maklumat telefon** pada halaman 57.

Simpan semula kenalan - Lihat **Membuat sandaran dan menyimpan semula maklumat telefon** pada halaman 57.

Kosongkan kenalan - Padam semua kenalan anda. Sentuh Ya jika anda pasti anda hendak mengosongkan buku alamat anda.

Memaparkan maklumat

- 1 Daripada skrin siap sedia sentuh  dan pilih .
- 2 Sentuh  dan pilih **Maklumat**.
- 3 Daripada sini anda boleh melihat **Nombor dail perkhidmatan**, **Nombor anda sendiri**, **Maklumat memori** anda. (berapa baki ruang anda) dan **Kad niaga saya**.





PETUA! Jika anda belum lagi menambah kad niaga untuk diri anda sendiri, pilih **Kad niaga saya** dan masukkan semua butiran anda yang anda mahu bagi mana-mana kenalan. Sentuh **Simpan** untuk selesai.

Mesej

Mesej


KP500 anda menggabungkan SMS, MMS dan e-mel dalam satu menu intuitif dan mudah digunakan.


Terdapat dua cara untuk memasuki pusat mesej:

- 1 Sentuh  daripada skrin siap sedia.
- 2 Sentuh  daripada skrin siap sedia, kemudian pilih  dan pilih .

Menghantar mesej

- 1 Sentuh  untuk membuka mesej kosong.
- 2 Dari sini anda boleh menghantar SMS atau MMS. Untuk menghantar e-mel, sentuh  daripada skrin siap sedia, kemudian pilih  dan . Lihat halaman 29 untuk butiran lanjut.
- 3 Sentuh **Masukkan**, untuk tambah imej, video, bunyi atau templat.
- 4 Sentuh **Kepada (1)** pada bahagian atas skrin untuk memasukkan nombor penerima, atau sentuh ikon carian untuk membuka buku alamat anda. Anda boleh menambah kenalan berbilang. Sentuh **Hantar** apabila telah bersedia.


 **AMARAN:** Anda akan dicaj setiap muka mesej teks untuk setiap orang yang dihantar

 **AMARAN:** Sekiranya satu imej, video atau bunyi ditambah kepada SMS ia akan ditukar kepada MMS secara automatik dan anda akan di caj seperti sewajarnya.


Memasukkan teks

Terdapat lima cara untuk memasukkan teks:


Pad kekunci, Papan kekunci, Skrin tulisan tangan, Peti Tulisan tangan, Peti Dwi Tulisan tangan.

Anda boleh pilih kaedah input anda dengan mengetik  dan **Kaedah input**.

Ketik skrin sekali, papan kekunci akan muncul.

 Sentuh untuk menghidupkan teks ramalan T9.

 Anda boleh memilih bahasa tulisan.

 Ketik untuk menukar nombor, simbol dan pad kekunci.

01

02

03

04


05

06


07

08


Mesej

Gunakan  untuk menatal menerusi jenis papan kekunci yang berlainan dalam setiap mod entri teks (contohnya, huruf besar dan kecil).

Ramalan T9

Dalam mod T9 anda akan melihat . Mod T9 menggunakan kamus terbina dalam untuk mengecam perkataan yang anda tulis berdasarkan urutan kekunci yang anda sentuh. Hanya sentuh kekunci nombor yang berkaitan dengan huruf yang anda mahu masukkan, dan kamus akan meramalkan perkataan yang anda mahu gunakan. Contohnya, tekan 8, 3, 5, 3, 7, 4, 6, 6, 3 untuk menulis 'telephone'.


Manual Abc

Dalam mod Abc anda akan melihat . Dalam mod Abc anda mesti menyentuh kekunci secara berulang kali untuk memasukkan huruf. Sebagai contoh, untuk menulis 'hello', sentuh 4 dua kali, 3 dua kali, 5 tiga kali, 5 tiga kali sekali lagi, kemudian 6 tiga kali.

Papan kekunci

Dalam mod Papan kekunci, skrin menukar kepada landskap dan papan kekunci penuh akan muncul pada skrin.

Hanya sentuh setiap huruf untuk menulis mesej anda dan tekan:

 untuk menukar huruf besar

Pengecaman tulisan tangan

Dalam mod Tulisan tangan, anda hanya menulis di atas skrin dan KP500 anda akan menukar tulisan tangan anda ke dalam mesej anda. Pilih **Skrin** atau **Peti** bergantung pada paparan diutamakan.

PETUA! Anda akan mendapati ianya mudah untuk menggunakan stilus dalam mod ini, sila ingat bahawa untuk menekan dengan perlahan bagi melindungi skrin anda daripada rosak.

Pengecaman tulisan tangan menterjemahkan gerakan stilus ke dalam huruf, nombor atau aksara lain, dan memaparkan aksara ini sebagai teks. Pengecaman tulisan tangan hanya aktif di mana teks boleh dimasukkan.

Menyediakan e-mel anda

Anda boleh kekal berhubung sambil bergerak dengan menggunakan KP500 anda. Ia lebih cepat dan mudah untuk menetapkan akaun e-mel POP3 atau IMAP4.





- 1 Sentuh  kemudian ketik .
- 2 Pilih  kemudian tatal menu ke **Tetapan**. Kemudian ketik **Tetapan**.
- 3 Sentuh **E-mel** kemudian **Akaun E-mel**.
- 4 Sentuh **Akaun Baru**.
- 5 Wizard Persediaan akan membantu anda menyediakan tetapan e-mel.
- 6 Anda boleh semak dan edit tetapan dengan memilih akaun dalam senarai. Anda juga boleh semak tetapan tambahan yang mana dibuat secara automatik semasa anda membuat akaun.

- 7 Anda boleh menukar akaun e-mel lalai anda dengan menyentuh **Aktifkan**.

Mengambil e-mel anda

Anda boleh memeriksa akaun anda secara automatik atau manual untuk e-mel baru. Lihat 'Tukar tetapan e-mel anda' pada halaman 30 untuk memeriksa secara automatik.

Untuk menyemak secara manual:

- 1 Sentuh  kemudian pilih  dan .
- 2 Sentuh **Peti mel**.
- 3 Sentuh akaun anda mahu gunakan, kemudian .
- 4 Pilih **Ambil semula** dan KP500 anda akan menyambungkan kepada akaun e-mel anda dan ambil semula mesej baru anda.

01

02

03

04

05

06

07

08


Mesej

Menghantar e-mel menggunakan akaun baru anda

- 1 Sentuh **E-mel Baru** dalam menu **Komunikasi** dan e-mel baru akan terbuka.
- 2 Anda boleh memasukkan alamat penerima dan tulis mesej anda. Anda juga boleh melampirkan imej, video, bunyi atau jenis fail yang lain.
- 3 Sentuh **Hantar** dan e-mel anda akan dihantar.

Menukar tetapan e-mel anda

Anda boleh menukar tetapan e-mel anda mengikut keutamaan anda.

- 1 Sentuh  kemudian pilih  dan  .
- 2 Sentuh **Tetapan** dan **E-mel** dan kemudian anda boleh sesuaikan tetapan yang berikut:
Membolehkan membalas e-mel - Pilih untuk membolehkan penghantaran mesej 'pengesahan bacaan'.
Meminta balasan E-mel - Pilih sama ada untuk meminta mesej pengesahan baca.

Ambil semula selaan - Pilih berapa kerap KP500 anda memeriksa mesej e-mel baru.

Jumlah ambil semula - Pilih bilangan e-mel untuk diambil semula pada satu masa.

Sertakan mesej dalam Kirim semula & Balas - Pilih untuk menyertakan mesej asal dalam balasan anda.

Sertakan lampiran - Pilih untuk menyertakan lampiran asal dalam mana-mana balasan.

Ambil semula Auto semasa Rayau - Pilih sama ada untuk mengambil semula mesej anda secara automatik semasa di luar negara (rayau).

Pemberitahuan e-mel baru - Pilih jika untuk diberitahu tentang e-mel baru.

Tandatangan - Membuat tandatangan e-mel dan hidupkan ciri ini.

Keutamaan - Pilih tahap keutamaan bagi mesej e-mel anda.

Folder mesej

Anda akan mengecam struktur folder yang digunakan pada KP500 anda, yang mana jelas dengan sendirinya.

Peti masuk - Semua mesej yang anda terima akan ditempatkan dalam peri masuk anda. Dari sini anda boleh lihat, padam dan banyak lagi, lihat **Menguruskan mesej anda** di bawah untuk mendapatkan butiran lanjut.

Peti mel - Semua e-mel yang terima pada KP500 anda akan ditempatkan pada peti mel anda.

Draf - Jika anda tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk selesai menulis mesej, anda boleh menyimpan apa yang telah anda tulis setakat ini di sini.

Peti keluar - Ini adalah folder penyimpanan sementara apabila mesej sedang dihantar.


Item Dihantar - Semua mesej yang telah anda hantar akan ditempatkan dalam folder ini.

Folder Saya - Buat folder untuk menyimpan mesej anda.

Menukar tetapan mesej teks anda

Tetapan mesej KP500 anda telah dipratetapkan supaya anda boleh menghantar mesej dengan serta-merta. Tetapan ini boleh ditukar mengikut keutamaan anda.

PETUA! Untuk menatal melalui senarai pilihan, sentuh item terakhir yang boleh dilihat dan luruskan jari anda ke atas skrin. Senarai akan naik ke atas supaya lebih item kelihatan.

Sentuh  kemudian pilih **Tetapan** pada menu **Komunikasi**. Pilih **Mesej teks**. Anda boleh buat perubahan kepada:

Pusat mesej teks - Masukkan butiran pusat mesej anda.

Laporan penghantaran - Gelangsarkan suis sebelah kiri untuk terima pengesahan bahawa mesej anda telah dihantar.

Tempoh kesahan - Pilih berapa lama mesej anda akan disimpan dalam pusat mesej.

Jenis mesej - Tukar teks anda kepada **Suara, Faks, X.400** or **E-mel**.

Pengekodan aksara - Pilih bagaimana aksara anda akan dikodkan. Ini akan menjejaskan saiz mesej anda dan juga caj data.

Hantar teks panjang sebagai - Pilih untuk menghantar mesej panjang sebagai SMS Berbilang atau satu MMS.

01

02

03

04

05

06

07

08

Mesej

Menukar tetapan mesej multimedia anda

Tetapan mesej KP500 anda telah dipratetapkan supaya anda boleh menghantar mesej dengan serta-merta. Tetapan ini boleh ditukar mengikut keutamaan anda.

Sentuh , pilih  kemudian . Pilih **Tetapan** dan **Mesej multimedia**. Anda boleh buat perubahan kepada:

Mod ambil semula - Pilih **rangkaian Rumah** atau **Perayaan**. Jika kemudian anda memilih Manual anda hanya akan menerima pemberitahuan MMS dan anda seterusnya boleh membuat keputusan sama ada untuk memuat turun nya sepenuhnya.

Laporan penghantaran - Pilih untuk membenarkan dan/atau meminta laporan penghantaran.

Laporan baca - Pilih untuk membenarkan dan/atau meminta laporan balasan.

Keutamaan - Pilih tahap keutamaan MMS anda.

Tempoh Kesahan - Pilih tempoh masa mesej anda disimpan di pusat mesej.


Tempoh slaid -Pilih berapa lama slaid anda muncul pada skrin.


Mod pembuatan - Pilih mod mesej anda.

Masa penghantaran - Pilih berapa lama sebelum mesej dihantar.

Pusat mesej berbilang - Masukkan butiran pusat mesej anda.

Menukar tetapan lain

Sentuh , pilih **Tetapan** pada menu **Berkomunikasi** kemudian:



Mel suara - Sentuh  untuk tambah perkhidmatan Mel suara. Hubungi operator rangkaian anda untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang mereka sediakan.

Mesej perkhidmatan - Pilih untuk menerima atau menghalang mesej perkhidmatan. Anda juga boleh menetapkan keselamatan mesej anda dengan membuat senarai penghantar yang dipercayai dan yang tidak dipercayai.

Perkhidmatan maklumat - Pilih status penerimaan, bahasa dan lain-lain tetapan.


Kamera


Menangkap foto pantas


- 1 Tekan kekunci  pada sisi kanan telefon secara ringkas.
- 2 Pencari pandangan akan muncul pada skrin.
- 3 Dengan memegang telefon secara mendatar, tujukan lensa kepada subjek gambar.
- 4 Letakkan telefon anda supaya anda boleh melihat subjek foto anda dalam skrin pratonton.
- 5 Apabila kamera telah memfokus pada subjek anda, sama ada tekan  pada sisi telefon dengan kukuh atau tekan kotak merah pada bahagian bawah sebelah kanan skrin untuk mengambil foto.


Sesudah mengambil gambar


Gambar yang anda tangkap akan muncul pada skrin. Nama imej akan berjalan di bahagian bawah skrin bersama enam ikon di bahagian bawah kanan.


 Sentuh untuk menggerakkan galeri anda.

 Sentuh untuk menghantar foto sebagai mesej, e-mel atau Bluetooth. Lihat halaman 27 bagi Menghantar mesej, dan halaman 68 bagi Menghantar dan menerima fail anda menerusi Bluetooth.

 Sentuh untuk edit foto.

 Sentuh untuk tetapkan gambar yang telah anda ambil sebagai Kertas Hias Dinding.

 Sentuh untuk padam foto yang baru sahaja anda ambil dan sahkan dengan menyentuh **Ya**. Pencari pandangan akan muncul semula.

 Sentuh untuk terus mengambil foto lain. Gambar semasa anda akan disimpan.

01

02

03

04

05

06

07

08


Kamera

Mengetahui maklumat lanjut mengenai pencari pandangan



PETUA! Anda boleh mengeluarkan pilihan dengan mengetik skrin. Ia akan dimatikan secara auto selepas beberapa saat.

Memilih jenis tangkapan


- 1 Sentuh  untuk membuka jenis tangkapan yang tersedia.
- 2 Pilih daripada dua pilihan:

Tangkapan normal - Ini adalah jenis tangkapan lalai, foto akan diambil dalam cara normal, seperti yang digariskan dalam mengambil foto segera.


Tangkapan bertubi - Ini membolehkan anda untuk mengambil 3/6/9 tangkapan secara automatik dalam turutan yang sangat pantas.

Melaraskan pendedahan

Pendedahan menentukan perbezaan antara terang dan gelap (kontras) dalam imej. Imej berkontras rendah akan kelihatan kabur, manakala imej berkontras tinggi akan kelihatan lebih jelas.

- 1 Sentuh .
- 2 Gelangsarkan penunjuk kontras di sepanjang bar - kiti untuk pendedahan rendah, imej berkabus atau kanan bagi pendedahan tinggi, imej yang lebih tajam.

Menggunakan tetapan lanjutan

Dari pencari pandangan sentuh  untuk membuka semua pilihan tetapan lanjut.

Tetapan pratonton

Saiz - Tukar saiz foto untuk menyimpan ruang memori atau ambil gambar untuk set semula saiz yang betul untuk hubungan. Lihat **Menukar saiz imej** pada halaman 36.

Kesan Warna - Pilih ton warna untuk digunakan pada foto yang anda ambil. Lihat **Memilih kesan warna** pada halaman 37.

Imbangan putih - Pilih daripada Auto, Pijar, Cerah, Pendaflour atau Mendung.

Pemasa sendiri - Pemasa sendiri membenarkan anda menetapkan tunda selepas butang tangkap ditekan sebelum kamera mengambil gambar. Pilih daripada **3 saat**, **5 saat** atau **10 saat**. Bagus untuk foto kumpulan yang anda ingin sertai.

01

02

03

04

05

06

07

08

Kamera

Kualiti - Pilih antara **Sangat halus**, **Halus** dan **Normal**. Lebih halus kualiti lebih tajam foto tersebut tetapi saiz fail akan meningkat. Ini bermakna anda hanya boleh menyimpan sedikit foto dalam memori anda.

Mod paparan - Pilih daripada Skrin penuh atau Imej penuh. Dalam Skrin penuh, sesetengah klip imej mungkin berlaku.

Tetapan lain

Memori - Pilih sama ada untuk menyimpan foto anda pada memori Telefon bimbit atau pada memori Luaran.

Bunyi pengatup - Pilih satu daripada tiga bunyi pengatup.


Skrin grid - Pilih daripada Off, Lintang mudah atau Bahagian pertiga

Tetap semula tetapan - Tetap semula semua tetapan kamera.

PETUA! Apabila anda keluar dari kamera, semua tetapan anda akan kembali ke lalai, kecuali saiz imej dan kualiti imej. Sebarang tetapan bukan lalai yang anda perlukan akan perlu untuk di tetapkan semula, contohnya ton warna. Periksanya sebelum anda menangkap foto anda yang seterusnya.


Menukar saiz imej

Lebih banyak piksel, lebih besar saiz fail, yang bermakna ia mengambil banyak ruang memori. Jika anda hendak memuatkan lebih banyak gambar pada telefon anda, anda boleh mengubah nombor piksel untuk mengecilkan saiz fail.

- 1 Daripada pencari pandangan sentuh  dalam sudut kiri bahagian atas.
- 2 Pilih **Saiz** daripada menu Pratonton.
- 3 Pilih nilai piksel daripada lima pilihan berangka (**3M: 2048x1536**, **2M: 1600x1200**, **1M: 1280x960**, **640x480**, **400x240(W)**, **320x240**) atau pilih pratetap:


Kenalan - Ini menetapkan kamera untuk mengambil foto dengan saiz yang tepat untuk dimasukkan dalam kenalan telefon.

Memilih kesan warna

- 1 Daripada pencari pandangan sentuh  di sudut kiri bahagian atas.
- 2 Pilih **Kesan Warna** daripada menu Pratonton.
- 3 Terdapat lima pilihan ton warna: **Mati, Hitam & Putih, Negatif** atau **Sepia**.

PETUA! Anda boleh menukar foto yang diambil ke dalam warna hitam dan putih atau sepia selepas ia ditangkap, tapi anda tidak boleh menukar gambar yang diambil dalam warna hitam dan putih atau sepia kembali kepada warna.

Melihat foto yang disimpan

- 1 Anda boleh akses foto yang anda simpan dalam mod kamera. Hanya sentuh  dan galeri anda akan muncul pada skrin.

01

02

03

04

05






06

07

08

Kamera Video

Menangkap video pantas

- 1 Tekan kekunci pada sebelah kanan telefon.
- 2 Pada mod pratonton Kamera sentuh ikon kamera video  dalam pencari pandangan untuk menukar kepada mod video. Pencari pandangan kamera video akan muncul pada skrin.
- 3 Memegang telefon secara mendatar, mengarahkan kanta ke arah subjek video.
- 4 Tekan butang tangkap sekali untuk mula merakam. Atau tekan titik merah  di bahagian bawah sebelah kanan skrin.
- 5 **Rakam** akan muncul pada bahagian atas pencari pandangan dan pemasa pada bahagian bawah akan menunjukkan panjang video anda.
- 6 Untuk menjeda sentuhan video  dan sambungkan dengan memilih .
- 7 Sentuh  pada skrin atau tekan butang tangkap buat kali kedua untuk menghentikan rakaman.

Selepas anda telah menangkap video

Imej pegun memaparkan video yang ditangkap akan muncul pada skrin. Nama imej akan berjalan di bahagian bawah skrin bersama enam ikon di bahagian bawah kanan.



Sentuh untuk mainkan video.



Sentuh untuk menghantar video sebagai **Mesej** atau **E-mel** atau melalui **Bluetooth**. Lihat halaman 27 bagi

Menghantar mesej, atau halaman 68 bagi **Menghantar dan menerima fail anda menerusi Bluetooth**.



Sentuh untuk edit video.



Sentuh untuk melihat galeri video dan imej yang disimpan.




Sentuh untuk padam foto yang baru sahaja anda ambil dan sahkan dengan menyentuh **Ya**. Pencari pandangan akan muncul semula.



Sentuh untuk merakam terus video yang lain. Video semasa anda akan disimpan.

Mengetahui lanjut mengenai pencari pandangan



Tetapan - Sentuh ikon ini untuk membuka menu tetapan. Lihat **Menggunakan tetapan lanjutan** pada halaman 40 untuk butiran lanjut.

Mod Video - Mod Video dipilih.

Saiz imej

Simpan pada memori telefon bimbit/ memori luaran

Kembali - Sentuh disini untuk kembali ke skrin siap sedia.

Galeri

Kecerahan - Lihat **Melaraskan Pendedahan** pada halaman 40.

Saiz video

Henti merakam

Mula merakam

Zum - Sentuh  untuk zum masuk atau  untuk zum keluar.

Mod kamera video - Sentuh ikon ini untuk menukar kepada mod video.

PETUA! Anda boleh menutup semua pilihan pintasan untuk mendapatkan skrin pencari pandangan yang lebih jelas. Hanya sentuh bahagian tengah pencari pandangan sekali. Untuk mengingati kembali pilihan, sentuh skrin semula.

01

02

03

04

05

06


07

08

Kamera Video

Melaraskan Pendedahan

Pendedahan menentukan perbezaan antara terang dan gelap (kontras) dalam video. Imej berkontras rendah akan kelihatan kabur, manakala video berkontras tinggi akan kelihatan lebih jelas.

- 1 Sentuh .
- 2 Gelangsarkan penunjuk kontras di sepanjang bar, kiri untuk pendedahan rendah, video berkabus atau kanan bagi pendedahan tinggi, video yang lebih tajam.

Menggunakan tetapan lanjutan

Daripada pencari pandangan sentuh **Tetapan** untuk membuka semua pilihan tetapan lanjutan.

Tetapan pratonton

Saiz video - Tukar saiz video untuk menjimatkan ruang memori. Lihat **Menukar saiz imej** pada halaman 41.

Kesan Warna - Pilih ton warna untuk digunakan pada foto yang anda ambil. Lihat **Memilih ton warna** pada halaman 41.

Imbangan putih - Imbangan putih memastikan bahawa mana-mana warna putih dalam video anda adalah realistik. Untuk membolehkan kamera menyesuaikan imbangan putih dengan

betul, anda mungkin perlu menentukan keadaan cahaya. Pilih dari **Auto**, **Pijar**, **Cerah**, **Pendarfluor** atau **Mendung**.

Kualiti - Pilih antara **Sangat halus**, **Halus** dan **Normal**. Lebih halus kualiti lebih tajam video yang akan diperolehi tetapi sebagai hasilnya saiz fail akan meningkat yang bermaksud anda boleh menyimpan video yang lebih sedikit dalam memori telefon anda.

Tempoh - Tetapkan had tempoh masa bagi video anda. Pilih daripada **Tiada had**, atau **MMS** untuk hadkan saiz supaya anda boleh menghantar video sebagai MMS.

PETUA! Jika anda memilih tempoh MMS, cuba pilih kualiti imej lebih rendah untuk membolehkan anda menangkan video lebih panjang.

Tetapan lain

Memori - Pilih sama ada untuk menyimpan video anda pada **Memori telefon bimbit** atau pada **Memori luaran**.

Suara - Pilih Bisu untuk merakam video tanpa suara.

Tetapkan semula tetapan - Tetap semula semua tetapan kamera video.


Menukar saiz imej video

Lebih banyak piksel, lebih besar saiz fail, yang bermakna ia mengambil banyak ruang memori. Jika anda mahu masukkan lebih banyak video dalam telefon, anda boleh menukar nombor piksel untuk menjadikan saiz fail lebih kecil.

- 1 Daripada pencari pandangan sentuh  dalam sudut kiri bahagian atas.
- 2 Pilih **Saiz video** daripada menu Pratonton.
- 3 Pilih nilai piksel daripada tiga pilihan:
 **320x240** - Saiz imej lebih kecil, oleh itu saiz fail lebih kecil. Terdapat sehingga 24 fps untuk main semula video, terdapat sehingga 12 fps untuk rakaman video.
 **176x144** - Saiz imej terkecil, oleh itu saiz fail juga terkecil. Terdapat sehingga 15 fps untuk main semula video.
- 4 Pilih pilihan saiz yang anda mahu gunakan.


PETUA! Bagi perisian penukaran format video, lihat CD yang anda terima dengan KP500 anda.

Memilih ton warna

- 1 Daripada pencari pandangan sentuh  dalam sudut kiri bahagian atas.
- 2 Pilih **Kesan Warna** daripada menu tetapan.
- 3 Terdapat lima pilihan ton warna: **Mati, Hitam & Putih, Negatif** atau, **Sepia**.
- 4 Sentuh ton warna yang anda mahu gunakan.

PETUA! Anda boleh menukar syot video dalam warna kepada hitam dan putih atau sepia selepas ia diambil, tetapi anda tidak boleh tukar syot video dalam hitam dan putih atau kembali pada sepia ke warna.

Melihat video anda yang disimpan

- 1 Dalam pencari pandangan sentuh .
- 2 Galeri anda akan muncul pada skrin.
- 3 Sentuh sekali video yang anda mahu lihat untuk dibawa ke depan galeri.
- 4 Sentuh video buat kali kedua untuk membukanya secara penuh.

01

02

03

04

05




06

07

08




Foto dan video anda


Melihat foto dan video anda

- 1 Sentuh  pada skrin pratonton kamera anda.
- 2 Galeri anda akan muncul pada skrin.
- 3 Sentuh video atau foto dua kali untuk membukanya secara penuh.
- 4 Untuk memainkan video sentuh . Untuk jeda main balik sentuh .

PETUA! Petik kiri atau kanan untuk melihat foto atau video lain.

Menangkap imej dari video

- 1 Pilih video yang anda hendak tangkap imej.
- 2 Sentuh  untuk menjedakan video pada bingkai yang hendak anda tukar pada imej dan sentuh sisi kanan skrin untuk membuka menu pilihan.
- 3 Dari menu pilihan pilih .
- 4 Imej akan muncul pada skrin, dengan nama imej yang telah diperuntukkan.
- 5 Sentuh imej kemudian  untuk kembali kepada galeri.
- 6 Imej itu akan disimpan dalam folder Media Album dan muncul dalam galeri. Anda perlu keluar daripada galeri dan buka semula bagi membolehkan ia dipaparkan.

 **AMARAN:** Sesetengah fungsi mungkin tidak berjalan dengan sempurna jika fail multimedia tidak dirakamkan pada telefon.

Melihat foto anda sebagai pertunjukan slaid

Mod pertunjukkan slaid akan menunjukkan semua foto dalam galeri satu demi satu sebagai pertunjukkan slaid. Video tidak boleh dipaparkan sebagai pertunjukkan slaid.


- 1 Sentuh dua kali pada gambar yang hendak anda mulakan pertunjukkan slaid untuk membukanya.


2 Pilih .


- 3 Pertunjukkan slaid akan mula.

Terdapat pilihan di dalam tayangan slaid:


 Sentuh untuk pertunjukan rawak.

 Sentuh untuk jeda tayangan slaid pada foto tertentu.

 Sentuh sekali lagi untuk sambung main balik.



 Sentuh untuk meningkatkan atau menurunkan kelajuan pertunjukkan slaid.

Menetapkan foto sebagai penghias latar

- 1 Sentuh dua kali foto yang hendak anda set sebagai penghias latar untuk membukanya. Tukar telefon kepada landskap.
- 2 Sentuh sisi kanan skrin untuk membuka menu pilihan.
- 3 Sentuh .
- 4 Skrin akan beralih ke mod potret. Anda boleh menukar saiz gambar kemudiannya.
- 5 Apabila anda gembira dengan gambar tersebut sentuh **Tetap**.

Mengedit foto anda

Terdapat banyak perkara menarik yang boleh anda lakukan pada foto anda untuk mengubahnya, tambah padanya atau mencantikkannya sedikit.

- 1 Buka foto yang anda mahu edit dan sentuh  untuk keluaran pilihan.
- 2 Sentuh ikon untuk menyesuaikan foto anda:
 Pangkas foto anda. Pilih kawasan pangkas petak atau bulat dan gerakkan jari anda disekitar skrin untuk memilih kawasan.



Lukiskan sesuatu dengan tangan pada foto anda. Pilih ketebalan garisan daripada empat pilihan dan warna yang anda mahu gunakan.

T Masukkan tulisan pada gambar. Lihat **Menambah teks kepada foto** pada halaman 44.



Hiaskan foto anda dengan cap. Pilih dari cap berlainan yang tersedia dan sentuh foto anda di mana sahaja anda hendak.



Padam apa saja yang anda lukis.



Simpan perubahan yang telah anda lakukan pada foto. Pilih untuk simpan perubahan pada **Fail Asal**, atau sebagai **Fail Baru**. Jika anda pilih **Fail baru** masukkan nama fail.



Buat asal **Kesan** akhir atau edit yang telah anda buat pada foto.



Sentuh untuk buka pilihan selanjutnya termasuklah **Putar**. Terdapat juga pilihan lanjutan lebih banyak edit. Lihat **Saiz semula, Morfkan, Aksen Warna, Tambah imej** dll.

01

02

03

04

05

06

07

08

Foto dan video anda



Lihat **Menambah kesan pada foto** pada halaman 44.



Sentuh untuk kembali ke galeri.

Menambah teks pada foto

- 1 Dari skrin mengedit, sentuh **T**.
- 2 Pilih **Tandatangan** untuk tambah teks bukan bingkai atau pilih salah satu bentuk buih pertuturan.
- 3 Masukkan teks anda menggunakan pad kekunci dan sentuh **Simpan**.
- 4 Gerakkan teks dengan menyentuhnya dan menggerakkan ke tempat yang anda hendak.

Menambah kesan pada foto

- 1 Dari skrin mengedit, sentuh
- 2 Pilih untuk dikenakan pada sebarang enam pilihan pada foto:

Mencantikkan muka - Mengesan muka dan mencerahkannya secara automatik.

Lomo - Kesan kamera Lomo.

Negatif warna - Kesan negatif warna.

Hitam dan Putih - Kesan warna hitam dan putih.

Sepia - Kesan sepia.

Kabur - Gunakan kesan dikaburkan.

Tajamkan - Gerakkan penanda di sepanjang bar untuk menajamkan fokus foto. Pilih ikon **OK** untuk menggunakan perubahan atau memilih untuk batal.

Mozek kabur - Sentuh untuk dikenakan kesan mozek kabur foto.

Car minyak - Kesan cat minyak.

Lakaran - Gunakan kesan ini untuk membuatkan gambar kelihatan seperti lakaran.

Timbul - Kesan timbul.

Solarisasi - Tukar kesan pendedahan kepada lampu

Vivid - Kesan kejelasan dan bergemerlapan.

Cahaya bulan - Tukar lampu kepada cahaya bulan.

Antik - Kesan imej lama.

Bara - Kesan alur cahaya.




Kartun - Kesan kartun.

Warna air - Kesan warna air.

- 3 Untuk buat asal kesan hanya sentuh **Buat Asal** .


Multimedia

Anda boleh menyimpan sebarang fail multimedia ke dalam memori telefon anda supaya anda mempunyai akses mudah pada semua gambar, bunyi, video, dan permainan. Anda juga boleh menyimpan fail anda kepada kad memori. Kelebihan menggunakan kad memori ialah anda boleh mengosongkan ruang memori telefon anda.


Untuk mengakses menu Multimedia, sentuh  kemudian . Sentuh  untuk membuka senarai folder yang menyimpan semua fail multimedia anda.

Gambar

Imej Saya mengandungi senarai gambar termasuklah imej lalai dipramuatkannya pada telefon anda, imej yang dimuat turun oleh anda dan imej yang diambil menggunakan kamera telefon anda.





Sentuh  untuk mengubah paparan imej kecil kepada paparan senarai.

Menghantar foto

- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh  kemudian pilih **Imej saya**.
- 3 Sentuh  **Hantar** dan pilih daripada **Mesej**, **E-mel** atau **Bluetooth**.
- 4 Jika anda pilih **Mesej** atau **E-mel**, foto anda akan dilampirkan pada mesej dan anda boleh menulis dan menghantar mesej seperti biasa. Jika anda pilih **Bluetooth**, anda akan digesa untuk menghidupkan Bluetooth dan telefon anda akan mencari peranti untuk menghantar gambar.

Menggunakan imej

Anda boleh pilih imej untuk menggunakan sebagai penghias latar dan gambar skrin atau hanya untuk mengenal pasti pemanggil.

- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh  kemudian pilih **Imej saya**.
- 3 Pilih imej dan sentuh .
- 4 Sentuh **Gunakan sebagai** dan pilih daripada:
Kertas hias dinding - Tetapkan kertas hias dinding untuk skrin siap sedia.

01

02

03

04

05

06

07

08

Multimedia

Imej kenalan - Peruntukkan imej pada individu tertentu dalam senarai kenalan anda supaya gambar akan ditunjukkan apabila mereka memanggil anda.

Imej permulaan - Tetapkan imej untuk muncul apabila anda menghidupkan telefon.

Matikan - Tetapkan imej untuk muncul apabila anda matikan telefon.





Mencetak imej

- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh  kemudian pilih **Imej saya**.
- 3 Pilih imej dan sentuh .
- 4 Sentuh **Cetak** kemudian pilih antara **Bluetooth** dan **PictBridge**.

PETUA! Anda boleh cetak melalui bluetooth atau dengan menyambungkan kepada pencetak serasi PictBridge.

Memindah atau menyalin imej

Anda boleh menggerakkan atau salin imej antara memori telefon dan kad memori. Anda mungkin mahu melakukan perkara ini untuk mengosongkan ruang dalam salah satu bank memori atau untuk melindungi imej anda dari hilang.

- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh  kemudian pilih **Imej saya**.
- 3 Sentuh  dan pilih **Pindahkan** atau **Salin**.
- 4 Anda boleh tanda/buang tanda imej dengan mengetiknya secara turutan. Tanda imej yang anda mahu pindahkan atau salin dan sentuh **Salin/Pindahkan**.

Bunyi

Folder **Bunyi saya** mengandungi Bunyi dimuat turun, **Bunyi lalai** dan **Rakaman suara**. Dari sini anda boleh uruskan, hantar atau tetapkan bunyi sebagai nada dering.




Menggunakan bunyi

- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh  kemudian **Bunyi saya**.
- 3 Pilih **Bunyi lalai** atau **Rakaman suara**.
- 4 Pilih bunyi dan ia akan mula dimainkan.
- 5 Sentuh  dan pilih **Gunakan sebagai**.
- 6 Pilih daripada **Nada dering suara**, **Nada dering video**, **Nada mesej**, **Pemulaan** atau **Matikan**.

Video

Folder **Video saya** menunjukkan senarai video yang dimuat turun dan video yang telah anda rakan dalam telefon.

Menonton video

- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh  kemudian **Video saya**.
- 3 Pilih video untuk dimainkan.

Menghantar klip video

- 1 Pilih video dan sentuh .
- 2 Sentuh **Hantar** dan pilih daripada **Mesej**, **E-mel** atau **Bluetooth**.
- 3 Jika anda memilih **Mesej** atau **E-mel**, video klip anda akan dilampirkan pada mesej dan anda boleh tulis dan hantar mesej sebagai normal. Jika anda memilih **Bluetooth**, Bluetooth akan hidup secara automatik dan telefon anda akan mencari peranti untuk menghantar video.

Permainan dan Aplikasi

Anda masih boleh memasang permainan dan aplikasi baru pada telefon anda untuk menghiburkan anda pada masa lapang.

01

02

03

04

05




06

07



08

Multimedia

Memasang permainan/aplikasi melalui pemasangan tempatan

- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh  dan **Lain-lain** atau **Kad memori saya** jika memori luaran dimasukkan.
- 3 Pilih fail (*.jad or *.jar) untuk pasang dan tekan arahan **Pasang**. Satu aplikasi akan dipasang.
NOTA: Jad sepatutnya mengandungi jarnya sendiri.

Memainkan permainan

- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh  dan **Permainan & Apl saya**.
- 3 Buka folder permainan dan pilih serta sentuh permainan untuk dilancarkan.

Dokumen

Dari menu Dokumen, anda boleh melihat semua fail dokumen. Daripada sini anda boleh melihat fail Excel, Powerpoint, Word, Text dan PDF.




Memindahkan fail kepada telefon anda

Bluetooth mungkin cara mudah untuk memindahkan fail dari komputer ke telefon anda. Anda juga boleh gunakan LG PC Suite menerusi kabel segerak anda, lihat halaman 57 untuk butiran lanjut.

Untuk memindahkan menggunakan Bluetooth:

- 1 Pastikan telefon dan komputer anda menghidupkan Bluetooth dan kelihatan pada satu sama lain.
- 2 Gunakan komputer anda untuk menghantar fail melalui Bluetooth.
- 3 Apabila fail dihantar anda perlu menerimanya pada telefon anda dengan menyentuh **Ya**.
- 4 Fail sepatutnya muncul dalam folder **Dokumen** atau **Lain-lain**.





Melihat fail

- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh  kemudian **Dokumen**.
- 3 Pilih dokumen dan sentuh **Paparan**.








Lain-lain

Folder **Lain** digunakan untuk menyimpan fail bukan gambar, bunyi, video, permainan atau aplikasi. Ia digunakan dengan cara yang sama sebagai folder **Dokumen**. Anda mungkin mendapati bahawa apabila anda memindahkan fail dari komputer anda ke telefon yang ia muncul dalam folder **Lain** daripada folder **Dokumen**. Jika ia berlaku anda boleh menggerakkannya.

Untuk memindahkan fail daripada **Lain-lain** kepada **Dokumen**:

- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh  kemudian **Lain-lain**.
- 3 Pilih fail dan sentuh .
- 4 Sentuh **Pindahkan**, pilih destinasi folder daripada senarai dengan menyentuh ikon anak panah. Skrin akan memaparkan **Dipindahkan** apabila pemindahan selesai.

Membuat movie

- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh  (studio Muvee).
- 3 Sentuh  untuk menambah imej. Tandakan kotak imej yang anda mahu masukkan kemudian pilih **Masukkan**.
- 4 Sentuh tab gaya untuk memilih gaya Muvee.
- 5 Sentuh **Bunyi lalai** untuk menukar bunyi.
- 6 Sentuh  untuk melihat apa yang telah anda buat.
- 7 Sentuh  kemudian **Susunan** untuk membuat susunan.
- 8 Sentuh  kemudian **Simpan Lokasi** untuk memilih di mana untuk menyimpan filem, dan sentuh **Tempoh** untuk pilih antara panjang dan pendek.

01

02

03

04

05




06

07

08

Multimedia

Muzik

LG KP500 anda mempunyai pemain muzik terbina dalam supaya anda boleh main semua trek muzik kegemaran anda. Untuk mengakses pemain muzik, sentuh  kemudian  kemudian . Dari sini anda boleh mengakses pada sebilangan folder:

Baru dimainkan - Lihat semua lagu yang baru anda mainkan.

Semua trek - Mengandungi semua lagu yang anda miliki dalam telefon.

Artis - Semak imbas koleksi muzik anda mengikut artis.

Album - Semak imbas koleksi lagu anda mengikut album.

Genre - Semak imbas koleksi muzik anda mengikut genre.

Senarai main - Mengandungi semua senarai main yang telah anda buat.

Susun semula trek - Mainkan trek anda dalam susunan rawak.








Memindahkan muzik pada telefon anda

Cara paling mudah untuk memindahkan muzik pada telefon anda adalah melalui Bluetooth atau kabel segerak.

Anda juga boleh menggunakan LG PC Suite, lihat halaman 59 untuk butiran. Untuk memindahkan menggunakan Bluetooth:




- 1 Untuk pastikan kedua-dua peranti menghidupkan Bluetooth dan kelihatan pada satu sama lain.
- 2 Pilih fail muzik pada peranti yang lain dan pilih untuk menghantarkannya melalui Bluetooth.
- 3 Apabila fail telah bersedia untuk dihantar, anda hendaklah menerimanya pada telefon anda dengan menyentuh **Ya**.
- 4 Fail sepatutnya muncul dalam **Muzik** > **Semua trek**.

Memainkan lagu

- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh , kemudian **Semua trek**.
- 3 Pilih lagu yang anda mahu main.
- 4 Sentuh  untuk jeda lagu.
- 5 Sentuh  untuk langkau ke lagu seterusnya.
- 6 Sentuh  untuk langkau ke lagu sebelumnya.
- 7 Sentuh  untuk kembali kepada menu **Muzik**.

Membuat senarai main

Anda boleh membuat senarai main anda sendiri dengan memilih pilihan lagu daripada folder **Semua trek**.

- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh , kemudian **Senarai main**.
- 3 Sentuh **Tambah senarai main baru**, masukkan nama senarai main dan sentuh **Simpan**.
- 4 Folder **Semua trek** akan menunjukkan semua lagu dalam telefon anda. Sentuh semua lagu yang anda mahu masukkan ke dalam senarai main anda; tanda rait akan ditunjukkan di sebelah nama trek.

5 Sentuh **Simpan**.

Untuk mainkan senarai main, pilih dan sentuh **Main**.

Menggunakan radio

LG KP500 anda mempunyai ciri radio FM supaya anda boleh menala stesen kegemaran untuk didengari semasa mengembara.

NOTA: Anda perlu memasukkan fon kepala anda untuk mendengar radio. Masukkannya ke dalam soket fon kepala (ia adalah soket sama yang anda masukkan pengecas anda).

Mencari stesen

Anda boleh menala stesen radio ke dalam telefon anda dengan mencari stesen tersebut secara manual atau automatik. Stesen itu akan disimpan pada nombor saluran tertentu supaya anda tidak perlu menalanya semula. Anda boleh menyimpan sehingga 50 saluran dalam telefon anda. Anda mesti memasang alat dengar pada telefon kerana ia bertindak sebagai antena.

01

02

03

04

05





06





07

08





Multimedia

Untuk menala secara automatik:

- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh  kemudian .
- 3 Sentuh Imbas auto. Kemudian stesen akan mencari dan memperuntukkan saluran ke dalam telefon anda secara automatik.





NOTA: Anda juga boleh menala ke dalam stesen secara manual dengan menggunakan  dan  akan dipaparkan di sebelah frekuensi radio. Jika anda menekan dan menahan  dan , stesen akan ditemui secara automatik.

Menetapkan kembali saluran




- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh  kemudian .
- 3 Pilih **Tetapkan semula** untuk menetapkan semula saluran semasa atau pilih **Tetapkan semula semua** untuk menetapkan semua saluran. Setiap saluran akan kembali ke frekuensi permulaan 87.5Mhz .

Pengatur




Menambah peristiwa pada kalendar anda

- 1 Dari skrin siap sedia pilih , kemudian pilih  dan pilih . Pilih **Kalendar**.
- 2 Pilih tarikh yang anda ingin tambah peristiwa kepadanya.
- 3 Sentuh  kemudian **Tambah peristiwa baru**.
- 4 Sentuh **Kategori** kemudian pilih daripada **Janji temu**, **Ulang tahun** atau **Hari lahir**.
Semak tarikh dan masukkan masa yang anda hendak mulakan peristiwa.
- 5 Untuk janji temu dan ulang tahun masukkan masa dan tarikh peristiwa tamat dalam dua masa dibawah dan kotak tarikh.
- 6 Jika anda mahu menambah subjek atau nota kepada peristiwa anda, sentuh **Nota** dan taip dalam nota anda, diikuti dengan **Simpan**.
- 7 Tetapkan **Penggera** dan **Ulang**.
- 8 Pilih **Simpan** dan peristiwa anda akan disimpan dalam kalendar. Kursor petak akan menandakan hari bagi sebarang peristiwa telah disimpan dan loceng akan berbunyi pada masa mula peristiwa anda agar anda sentiasa teratur.

Menambah item pada senarai tugas anda

- 1 Dari skrin siap sedia pilih , kemudian pilih  dan pilih .
- 2 Pilih **Tugasan** dan sentuh **Tambah tugas**.
- 3 Tetapkan tarikh untuk item tugas, tambah nota dan pilih tahap keutamaan: **Tinggi**, **Sederhana** atau **Rendah**.
- 4 Simpan item senarai tugas anda dengan memilih **Simpan**.

Menambah memo

- 1 Dari skrin siap sedia pilih , kemudian pilih  dan pilih . Pilih **Memo**.
- 2 Sentuh **Tambah memo**.
- 3 Taip memo anda, diikuti dengan **Simpan**.
- 4 Memo anda akan muncul pada skrin apabila anda buka aplikasi **Memo** lain kali.

01

02

03

04

05

06

07




08

Pengatur




Menggunakan pencari tarikh


Pencari tarikh adalah alat berguna untuk membantu anda mengira tarikh selepas jumlah tertentu hari berlalu. Contohnya, 60 hari daripada 10.10.07 ialah 09.12.2007.

Cara ini hebat untuk menyimpan tab pada tarikh akhir .

- 1 Dari skrin siap sedia pilih , kemudian pilih  dan pilih .
- 2 Pilih **Pencari tarikh**.
- 3 Dalam tab **Daripada**, tetapkan tarikh yang anda mahukan.
- 4 Dalam tab **Selepas**, tetapkan bilangan hari.
- 5 **Tarikh sasaran** akan ditunjukkan di bawah.





Menetapkan penggera anda

- 1 Dari skrin siap sedia pilih , kemudian pilih  dan pilih .
- 2 Sentuh **Tambah penggera**.
- 3 Tetapkan masa yang anda mahu penggera berbunyi dan sentuh **Simpan**.

- 4 Pilih sama ada anda mahu penggera anda mengulang **Harian, Isn - Jum, Isn - Sab, Sab - Ahd, Kecuali cuti atau Pilih hari kerja**. Ikon menandakan hari kerja yang anda pilih.
 - 5 Pilih **Jenis penggera** untuk memilih jenis bagi penggera anda.
 - 6 Sentuh **Nada penggera** kemudian pilih folder **Bunyi lalai** atau **Rakaman suara** untuk mencari bunyi. Untuk mendengar bunyi, sentuh bunyi itu, diikuti dengan .
 - 7 Tambah memo untuk penggera. Sentuh **Simpan** apabila anda telah selesai menaip memo.
 - 8 Akhir sekali anda boleh tetapkan jarak waktu tunda pada 5, 10, 20, 30 minit, 1jam atau matikan.
 - 9 Sebaik sahaja anda telah menetapkan penggera anda, sentuh **Simpan**.
- NOTA:**Anda boleh menetapkan sehingga 5 penggera.





PETUA! Sentuh ikon hidup/mati pada sebelah kanan penggera untuk set.

Menambah memo dengan panel melukis







- 1 Dari skrin siap sedia pilih , kemudian pilih  dan pilih .
- 2 Sentuh **Tambah lukisan**.
- 3 Lukiskan memo anda pada skrin sentuh LCD diikuti dengan .
- 4 Memo anda akan muncul pada skrin apabila anda membuka aplikasi **Panel Melukis** lain kali.

Perakam suara





Gunakan rakaman suara anda untuk merakam memo suara atau bunyi yang lain.

- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh  kemudian  dan **Tetapan** pilih daripada:
Tempoh – Tetapkan tempoh rakaman. Pilih daripada **Tiada had**, **saiz mesej MMS** atau **1 mini**.
Kualiti – Pilih kualiti suara. Pilih daripada Sangat halus, Halus atau Memori Normal sedang digunakan.
Memori sedang digunakan – Pilih di mana fail rakaman suara untuk disimpan.

Merakam bunyi atau suara

- 1 Sentuh  kemudian .
- 2 Sentuh .
- 3 Sentuh  untuk mula merakam.
- 4 Sentuh  untuk menamatkan rakaman.
- 5 Sentuh  untuk mendengar pada rakaman anda.

Menggunakan kalkulator anda

- 1 Dari skrin siap sedia pilih , kemudian pilih  dan pilih .
- 2 Pilih **Kalkulator**.
- 3 Sentuh kekunci angka untuk memasukkan nombor.
- 4 Untuk pengiraan yang mudah, sentuh fungsi yang anda perlu (+, -, *, /), diikuti dengan =.
- 5 Untuk pengiraan yang kompleks, sentuh  dan pilih dari **sin**, **cos**, **tan**, **log**, **ln**, **exp**, **sqrt**, **deg** atau **rad dll**.

01

02

03

04

05




06

07




08

Pengatur





Menukar unit

- 1 Dari skrin siap sedia pilih , kemudian pilih  dan pilih .
- 2 Pilih **Penukar**.
- 3 Pilih sama ada anda mahu menukar **Mata wang, Permukaan, Berat, Panjang, Suhu, Isipadu** atau **Halaju**.
- 4 Sekarang anda boleh pilih unit, dan masukkan nilai yang anda ingin tukar, diikuti dengan unit yang anda mahu tukarkannya.
- 5 Nilai yang sepadan akan muncul pada skrin.

Menggunakan jam randik

- 1 Dari skrin siap sedia pilih , kemudian pilih  dan pilih .
- 2 Pilih **Jam randik**.
- 3 Sentuh **Mula** untuk mulakan pemasa.
- 4 Sentuh **Pusingan** jika anda mahu merekodkan masa pusingan.
- 5 Sentuh **Henti** untuk tamatkan pemasa.
- 6 Sentuh **Sambung** untuk mulakan semula jam randik pada masa anda hentikannya, atau sentuh **Tetapkan semula** untuk mulakan masa sekali lagi.




Menambah bandar kepada masa dunia anda

- 1 Dari skrin siap sedia pilih , kemudian pilih  dan pilih .
- 2 Pilih **Masa dunia**.
- 3 Sentuh , diikuti dengan **Tambah bandar**. Mula menaip nama bandar yang anda perlukan dan ia akan menunjukkan bahagian atas skrin.

(PC sync)

Anda boleh segerakkan PC anda dengan telefon anda untuk memastikan semua butiran penting dan tarikh anda adalah sepadan, juga untuk membuat sandaran fail untuk menyenangkan anda.

Memasang LG PC Suite pada komputer anda

- 1 Daripada skrin siap sedia sentuh  dan pilih  dan pilih .
- 2 Pilih **Mod sambungan USB** dan pilih **PC suite**
- 3 Masukkan CD yang dibekalkan ke dalam PC anda. Klik pada **Pemasang LG PC Suite** yang akan muncul di skrin anda.
- 4 Pilih bahasa yang anda hendak pasang menjalankan dan klik **OK**.
- 5 Ikuti arahan pada skrin untuk menyelesaikan wizard Pemasang LG PC Suite.
- 6 Sebaik sahaja pemasangan selesai, ikon LG PC Suite akan muncul pada desktop anda.

Menyambung telefon dan PC anda

- 1 Sambung kabel USB kepada telefon dan PC anda.
- 2 Klik dua kali pada ikon **LG PC Suite** pada desktop anda.
- 3 Klik pada **Wizard Sambungan**, kemudian **USB**.
- 4 Klik pada **Seterusnya**, kemudian **Seterusnya** sekali lagi, kemudian **Selesai**.
Telefon dan PC anda sekarang ini disambungkan.

Menyandakan dan menyimpan maklumat telefon anda

- 1 Sambung telefon anda kepada PC anda seperti yang digariskan di atas.
- 2 Klik pada ikon **Sandakan**, dan pilih **Sandakan** atau **Simpan semula**.
- 3 Tanda kandungan yang anda hendak untuk sandar atau simpan semula. Pilih lokasi yang anda hendak sandarkan maklumat, atau simpan semula maklumat dari. Klik **OK**.
- 4 Maklumat anda akan dibuat sandaran atau disimpan semula.

01

02

03

04

05

06

07

08

(PC sync)

Melihat fail telefon anda pada PC

- 1 Sambung telefon anda kepada PC anda seperti yang digariskan sebelum ini.
- 2 Klik pada ikon **Kandungan**.
- 3 Semua dokumen, kandungan flash, imej, bunyi dan video yang anda simpan dalam telefon anda akan dipaparkan pada skrin dalam folder Telefon LG.

PETUA! Melihat kandungan telefon anda pada PC membantu anda menyusun fail, mengatur dokumen dan mengeluarkan kandungan yang tidak anda perlukan.

Menyegerakkan kenalan anda

- 1 Sambung telefon anda pada PC anda.
- 2 Klik pada ikon **Kenalan**.
- 3 PC anda sekarang akan mengimport dan memaparkan semua kenalan yang disimpan pada kad USIM anda dan telefon bimbit.
- 4 Klik pada **Fail** dan pilih **Simpan**. Anda sekarang pilih di mana anda hendak simpan kenalan anda.

NOTA: Untuk menyandarkan kenalan yang disimpan pada kad USIM anda, klik pada folder kad SIM pada bahagian kiri skrin PC anda. Pilih **Edit** pada bahagian atas skrin, kemudian **Pilih semua**.

Klik kanan kenalan anda dan pilih **Salin pada kenalan**. Sekarang klik pada folder **telefon Bimbit** pada bahagian kiri skrin anda dan semua nombor anda akan dipaparkan.

Menyegerakkan mesej anda

- 1 Sambung telefon anda pada PC anda.
- 2 Klik pada ikon **Mesej**.
- 3 Semua mesej PC dan telefon anda akan dipaparkan pada skrin anda.
- 4 Gunakan bar alat di bahagian atas skrin anda untuk mengedit dan menyusun kembali mesej.

Menggunakan telefon anda sebagai peranti **Segerak Muzik**

Telefon anda boleh digunakan sebagai peranti Segerak Muzik kepada Fail Muzik Segerak sahaja.

Segerak Muzik boleh dilakukan menggunakan Windows Media Player 10 / 11 dan menyokong kedua-dua Memori Telefon Bimbit dan Kad Memori Luaran.

- 1 Tanggalkan telefon anda daripada PC anda.
- 2 Dari skrin siap sedia pilih , kemudian sentuh .
- 3 Pilih  dan kemudian **Mod sambungan USB**.
- 4 Sentuh **Segerak muzik**.
- 5 Sambung telefon anda pada PC anda. Telefon anda akan membaca: **Sambungan sebagai Segerak Muzik ... diikuti dengan Cabut kabel untuk Hentikan Segerak Muzik**.

01

02

03

04

05

06

07




08

Web

Penyemak imbas

Penyemak imbas memberikan anda permainan, muzik, berita, sukan, hiburan dan banya lagi yang berwarna-warni terus kepada telefon mudah alih anda. Di mana sahaja anda berada dan semasa apa sahaja yang sedang anda lakukan.





Mengakses web

- 1 Dari skrin siap sedia pilih , kemudian pilih  dan pilih .
- 2 Untuk mengakses laman utama penyemak imbas secara langsung, pilih **Laman Utama**. Secara alternatif pilih **Masukkan alamat** dan taip URL yang anda ingini, diikuti oleh **Sambung**.

NOTA: Kos tambahan dikenakan apabila menyambung pada perkhidmatan ini dan memuat turun kandungan. Semak caj data dengan pembekal rangkaian anda.

Menambah dan mengakses penanda buku anda

Untuk akses mudah dan cepat pada laman web kegemaran anda, anda boleh tambah penanda buku dan simpan halaman web.


- 1 Dari skrin siap sedia pilih , kemudian pilih  dan pilih .
- 2 Pilih **Penanda buku**. Senarai Penanda buku anda akan muncul pada skrin.
- 3 Untuk menambah penanda buku baru, pilih  dan sentuh **Tambah Penanda buku**. Masukkan nama untuk penanda buku anda diikuti dengan URL.
- 4 Sentuh **Simpan**. Penanda buku anda akan muncul dalam senarai penanda buku.
- 5 Untuk mengakses penanda buku, hanya sentuh penanda buku dan kemudian sentuh **Sambung**. Anda akan disambungkan pada penanda buku anda.

Menggunakan pembaca RSS
